

Memantapkan ekonomi negara

M. M'sia M/S6 25.3.07

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Persidangan Invest Malaysia 2007 (23 Mac)

SAYA berasa gembira kerana sekali lagi diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan pada majlis persidangan tahunan bagi para pelabur, pengurus dana, penganalisis dan pemimpin-pemimpin perniagaan. Pada tahun ini kita telah melihat pertambahan yang besar dari segi bilangan pelabur yang mendaftar berbanding tahun-tahun sebelumnya, terutama di kalangan para pelabur asing. Saya amat gembira dengan peningkatan bilangan peserta dalam Persidangan Invest Malaysia dan ingin mengucapkan selamat datang kepada mereka yang baru menyertai persidangan ini. Saya melihat keadaan ini sebagai satu lagi petanda peningkatan minat dalam pasaran modal Malaysia dan dalam pembangunan keseluruhannya ekonomi negara.

Ketika kedapatan beberapa peserta yang agak baru dengan persekitaran pelaburan di Malaysia, saya percaya ramai daripada kita yang hadir di sini adalah veteran dalam bidang ini. Oleh itu, saya pasti anda semua berkongsi harapan yang sama seperti saya pada Persidangan Invest Malaysia ini. Saya sememangnya menantikan persidangan ini setiap tahun, bukan sahaja kerana berpeluang untuk mengumumkan 'berita-berita baik,' seperti yang diharapkan anda, tetapi juga untuk mengetahui denyutan nadi ekonomi negara ini dan menilai semula kemajuan yang telah dicapai.

2006 merupakan tahun penting kepada ekonomi Malaysia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2006, mengatasi sasaran kerajaan 5.8 peratus, dan juga melebihi pertumbuhan 2005 iaitu sebanyak 5.2 peratus.

Pertumbuhan yang dicapai adalah menyeluruh, dengan perkilangan dan perkhidmatan menjadi peneraju. Sektor pembinaan kembali pulih pada suku keempat tahun lalu, selepas 10 suku tahun sebelum ini mengalami pertumbuhan yang negatif. Adalah sesuatu yang agak menggalakkan, usaha untuk memulihkan semula sektor pertanian sebagai penyumbang kepada ekonomi negara mulai menunjukkan hasil apabila sektor itu mencatatkan pertumbuhan tahunan yang kukuh sebanyak 6.4 peratus. Saya juga dengan amat sukacitanya memaklumkan bahawa kegiatan bukan perladangan dalam sektor pertanian juga menunjukkan tanda-tanda pemulihan kukuh dengan pertumbuhan 5.8 peratus pada tahun lalu.

Dalam perdagangan, 2006 merupakan tahun negara mencatat satu rekod pencapaian. Jumlah perdagangannya melepasi paras RM1 trilion, dengan eksport berkembang sebanyak 10.3 peratus. Eksport Malaysia juga lebih pelbagai, sama ada dari segi pasaran dan rangkaian produk. Peningkatan eksport telah menyebabkan lebih dagangan yang kukuh sebanyak RM109 bilion - kebetulan, dagangan negara juga mencatat lebih buat bulan ke-109 kali - dan telah membantu meningkatkan rizab antarabangsa kita kepada AS\$87.3 bilion. Ini menyamai 8.1 bulan

pegangan import; dan 9.1 kali hutang luar jangka pendek.

Krisis mata wang Asia 1997-98 telah melepasi kita: Isu-isu dan cabaran-cabaran yang menyebabkan krisis itu telah ditangani sepenuhnya, dan kini keadaan yang menggalakkan dan keyakinan yang tinggi semakin mengukuh dalam negara. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 9.7 peratus pada tahun 2006, lebih tinggi daripada pertumbuhan sebanyak 8.5 peratus pada tahun 2005. Portfolio pelaburan mencatatkan aliran masuk bersih pada tahun 2006 sebanyak RM14.7 bilion, mengatasi aliran keluar pelaburan sebanyak RM14.2 bilion pada tahun 2005. Ini selaras dengan perluasan dalam pasaran saham dan pasaran hutang negara, terutamanya dalam pelaburan Islam.

Pada masa sama, kerajaan terus mengukuhkan asas-asas fiskalnya. Satu ketika dahulu, saya telah nyatakan tugas paling sukar yang perlu dilakukan sebagai seorang Perdana Menteri ialah mengurangkan defisit bajet. Alhamdulillah, kita telah berjaya mengawal defisit tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Defisit berada pada kedudukan 3.5 peratus daripada KDNK tahun lalu, satu pencapaian yang ketara berbanding 5.3 peratus daripada KDNK pada tahun 2003.

Meningkatkan

Mesej yang disampaikan oleh angka-angka ini adalah jelas: Malaysia terus meningkatkan daya saing dan daya tahan, terus mengukuhkan kehadirannya dalam perdagangan global, dan terus bergerak ke atas rantai nilai ekonomi. Secara ringkas, terdapat banyak alasan untuk terus positif dan meyakini keadaan ekonomi negara, meskipun terdapat kemaruhan dalam pasaran modal sejagat baru-baru ini.

Saya faham bahawa adalah mudah bagi saya untuk bercakap - kerja yang saya lakukan diketahui hasilnya dalam tempoh yang panjang dan bukannya harian ketika waktu urusan niaga ditutup. Tetapi, secara seriusnya, sebagai seorang berpandangan jauh dan melihatnya dalam pandangan yang luas, saya melihat kejayaan pada tahun 2006 adalah seperti satu bab dalam cerita yang sedang berkembang. Saya melihat hasil-hasil daripada benih yang disemai pada tahun-tahun sebelumnya. Saya melihat apa yang berlaku di dasaran dan saya melihat kerja-kerja yang dibuat untuk memperbaiki asas-asas ini. Sememangnya, saya melihat pembaikan berterusan di seluruh negara, apabila kita terus mewujudkan nilai tambah terhadap kejayaan kita.

Satu dasaran (fundamental) yang sangat penting adalah kita berusaha secara bersungguh-sungguh untuk membenarkan membolehkan sektor swasta menjadi penggerak utama kepada ekonomi negara. Jadi, tugas utama kerajaan saya ialah meningkatkan pelaburan sektor swasta, matlamat jelas sekali diperlihatkan dalam strategi yang disusun dalam

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Salah satu daripada teras strategi utama dalam RMK-9 ialah meningkatkan peluang dalam pelaburan baru dengan membuka lokasi baru dan mempergunakan kekuatannya. Projek besar dan menarik yang sedang berjalan sekarang ialah pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar atau WPI di selatan Johor, dan akan disusuli oleh pelancaran Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Koridor Pantai Timur, Koridor Sabah dan Koridor Sarawak.

Pembukaan wilayah-wilayah ekonomi baru ini, secara bersepadu dan teratur, secara literalnya akan bakal mengubah rupa bentuk negara. Potensi yang telah hilang tanpa direalisasikan atau tidak dioptimumkan sepenuhnya akan diubah menjadi industri-industri dan perniagaan-perniagaan baru, pembentukan nilai baru dan juga peluang pekerjaan baru.


Bagi menunjukkan komitmen kerajaan, lebih daripada RM4 bilion telah diperuntukkan di bawah RMK-9 untuk pembangunan infrastruktur di WPI. Ini membabitkan pembinaan infrastruktur fizikal - seperti lebuh raya baru, sistem pembebasan dan pembersihan sungai - bukan fizikal pula - seperti memperkasakan keselamatan di wilayah itu. Potensi semula jadi di wilayah itu, dikuatkan oleh komitmen kerajaan untuk menyediakan infrastruktur dan pemboleh (*enabler*) yang lain telah pun menarik minat awal. Pelaburan pertama bernilai kira-kira RM4 bilion kini sedang dimuktamadkan. Kita menjangka minat terhadap wilayah ini akan bertambah lagi dengan pengumuman hari ini mengenai insentif khusus dan pakej sokongan.

Program lain di bawah tema pelaburan sektor swasta yang banyak diperdebatkan dan dianalisis adalah inisiatif transformasi syarikat milik kerajaan (GLC), yang diterajui oleh kerajaan dan syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC). Melihat kepada kepala beberapa peneraju GLC dan GLIC yang semakin gugur rambutnya, tidaklah keterlaluan untuk saya katakan, ia adalah satu usaha yang besar. Memulihkan semula entiti yang besar dan sarat dengan warisan sambil bertarung dengan mereka yang berpandangan skeptikal dan gemar mengkritik, ia bukanlah satu kerja untuk mereka yang lemah semangat.

Oleh itu, saya gembira melihat kerja-kerja berkenaan mula menunjukkan hasil. Ini merupakan satu fakta. Angka-angka ini menunjukkan GLC sebagai satu kumpulan kini menunjukkan prestasi jauh lebih baik daripada yang dicapai sebelum tahun 2004 apabila program ini dimulakan. Kebanyakan GLC sama ada telah mencapai atau melepasi sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI). Pasaran, seperti yang diwakili kebanyakan daripada anda hari ini juga telah memberikan reaksi positif. Sebanyak 20 buah GLC utama memberi pulangan sebanyak 71.8 peratus kepada para pemegang sahamnya sejak bulan Mei tahun 2004, mengatasi pencapaian Indeks Komposit Kuala Lumpur (IKKL) sebanyak 4.1 peratus. Nilai pasaran kesemua 20 buah

Malaysia terus meningkatkan daya saing dan daya tahan, terus mengukuhkan kehadirannya dalam perdagangan global, dan terus bergerak ke atas rantai nilai ekonomi

— Abdullah Ahmad Badawi



firma ini telah meningkat sebanyak RM83 bilion.

Kita boleh melihat GLC seperti CIMB, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) mencatatkan rekod dalam pendapatan korporat manakala yang lain-lainnya seperti Malaysia Airline System (MAS) telah mencapai penambahbaikan operasi seperti yang dikehendaki. Penggabungan yang menarik seperti CIMB dan Synergy Drive juga akan memberikan konsolidasi yang diperlukan bagi mewujudkan juara di rantau ini.

Cerita tentang transformasi GLC masih belum lagi selesai, malah ia baru bermula. Tetapi kita mempunyai sebab untuk berasa positif mengenai kemajuan yang telah dicapai setakat ini dan kita mempunyai sebab untuk memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah bekerja kuat untuk melakukan perubahan.

Kesan positif

Sementara itu, langkah-langkah yang diumumkan sebelum ini di Persidangan Invest Malaysia juga mempunyai kesan positif. Pelaksanaan peraturan-peraturan berdasarkan pendedahan diterima dengan baik, tanpa melunturkan tahap penguatkuasaan seperti yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). Penyampaian perkhidmatan juga bertambah baik di SC, yang antara lainnya mengurangkan lebih separuh daripada tempoh masa untuk mendapatkan kelulusan penyenggaraan dan terbitan hak. Pengenalanan operasi broker asing juga menyumbang kepada penambahbaikan piawaian industri, manakala rangka kerja bank pelaburan tempatan telah menggalakkan pembentukan entiti tempatan yang berdaya saing. Sementara itu, pengenalan jualan singkat terkawal baru-baru ini dan pinjaman sekuriti serta pemberian pinjaman telah menunjukkan komitmen kita dalam memastikan pasaran sekuriti Malaysia memenuhi piawaian antarabangsa dari segi kualiti pasaran.

Keupayaan untuk bersaing dan kecekapan

pasaran modal Malaysia adalah perkara utama dan beberapa langkah baru telah dan akan diambil untuk mencapai objektif-objektif ini. Bursa Malaysia akan memperkenalkan peraturan baru untuk membolehkan dan mengawal akses langsung pasaran yang akan memperbaiki kecekapan urus niaga dan meningkatkan nilai tambah kegiatan urus niaga di bursa saham. Selain itu, dalam mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa, saya dengan sukacitanya mengumumkan SC dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Dubai sedang mewujudkan rejim pengiktirafan bersama untuk memudahkan cara pemasaran rentas sempadan dana Islam antara Malaysia dan Dubai.

Untuk meningkatkan kecairan di dalam pasaran ekuiti, kerajaan akan meneruskan program untuk mengurangkan kepentingannya dalam GLC yang mempunyai penumpuan tinggi pegangannya (kerajaan). Untuk menghindari gangguan keterlaluan dalam pasaran dan membenarkan wujudnya hubungan strategik, proses ini akan dilakukan secara teratur melalui kombinasi penempatan persendirian dan komitmen penjualan berstruktur, seperti melalui terbitan bon boleh tukar PLUS dan TM oleh Khazanah baru-baru ini.

Saya juga dengan sukacitanya mengumumkan penubuhan Dana Dagangan Bursa (*Exchange Traded Funds* atau ETFs) yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang akhir tahun ini. GLIC akan menyertai ETF dengan menjual beberapa portfolionya di bursa saham bagi mendapatkan unit-unit dalam ETF. ETF secara kolektif mempunyai saiz permulaan dana sekurang-kurangnya RM3.5 bilion. Oleh itu, saya yakin ETF akan membantu menambah kecairan dan menggalakkan penyertaan peruncit yang lebih besar dalam pasaran ekuiti.

Selain daripada meningkatkan lagi pasaran modal, usaha dan tumpuan kepada sektor sebenar ekonomi diteruskan. Dalam

melaksanakannya, pendekatan kerajaan adalah menumpukan kepada menyediakan persekitaran yang mampu menarik pelaburan baru sektor swasta dan pelaburan terus asing. Penekanan akan diberikan kepada projek atau industri yang boleh bertindak sebagai pemangkin pelaburan dan peluasan di dalam wilayah-wilayah yang berkenaan.

Sehubungan itu, saya dengan sukacitanya, mengumumkan bahawa kerajaan menawarkan pakej insentif baru, bermula dengan zon-zon tertentu dalam WPI. Ini adalah pakej insentif pertama untuk WPI. Syarikat-syarikat yang berkelayakan di dalam enam sektor sasaran, iaitu industri kreatif, perkhidmatan pendidikan, penasihat kewangan dan perunding, kesihatan, logistik dan perkhidmatan berkaitan pelancongan, akan layak menerima insentif-insentif fiskal berikut:

● Pertama, pengecualian daripada cukai pendapatan korporat bagi aktiviti di dalam zon tersebut dan di luar Malaysia untuk tempoh 10 tahun daripada bermulanya operasi; dan

● Kedua, pengecualian daripada pemeganan cukai ke atas pembayaran tertentu untuk 10 tahun daripada bermulanya operasi,

Tertakluk kepada operasi berkenaan dimulakan sebelum akhir tahun 2015.

Selain itu, syarikat-syarikat yang layak juga boleh menikmati:

● Pertama, pengecualian daripada peraturan-peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC).

● Kedua, bebas untuk mendapatkan sumber modal dari seluruh dunia; dan

● Ketiga, tiada sekatan dikenakan dalam mengambil pekerja asing di zon-zon yang diluluskan.

Maklumat lanjut mengenai insentif dan pakej sokongan akan diumumkan tidak lama lagi oleh pusat sehati Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA).

Dengan pertumbuhan pusat komersial yang lain di seluruh dunia, persaingan bagi pelaburan global dijangka bertambah sengit. Sehubungan itu, kerajaan akan sentiasa mengkaji pakej insentif yang ditawarkan ini untuk memastikan WPI mengekalkan kelebihan daya saingnya

Selain daripada melangkah ke hadapan dalam WPI, kerajaan telah mengambil beberapa langkah konkrit untuk meningkatkan aliran masuk (modal) dan transaksi di dalam

sektor hartanah negara. Sebagai contoh, ke-longgaran dalam peraturan FIC bertujuan membolehkan warga asing membeli hartanah kediaman berharga lebih RM250,000 tanpa kelulusan FIC, telah menerima maklum balas yang positif. Berdasarkan, maklum balas yang diterima, kerajaan-kerajaan negeri juga diberitahu supaya memberikan ke-longgaran yang sama bagi pembelian hartanah kediaman.

Untuk mempertingkatkan lagi sektor hartanah negara, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak mengenakan cukai keuntungan hartanah di seluruh negara mulai 1 April 2007. Ini adalah berita yang telah lama dinanti-nantikan oleh para pemaju dan pelabur, dan saya berharap ia akan dapat menyuntik minat yang tinggi dan dinamisme dalam kedua-dua sektor hartanah dan kewangan.

Keputusan-keputusan ini adalah antara beberapa pelan tindakan segera yang dibuat untuk meningkatkan dan juga memudahkan pelaburan di Malaysia. Pada masa yang sama, usaha jangka panjang untuk memperbaiki iklim pelaburan secara menyeluruh juga kekal dilakukan. Dalam konteks ini, penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam terus menjadi objektif yang penting. Pada 13 April 2007, saya akan membuat

pengumuman penting berhubung penambah-baikannya penyampaian perkhidmatan awam kerana ia melibatkan pihak berkuasa Kerajaan Tempatan. Tambahan pula, penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau Pemudah akan menampakkan kesan perubahan fasa pertama dalam tempoh enam bulan akan datang.

Pelaburan dan pertumbuhan juga akan bertambah dengan adanya modal insan yang berkualiti tinggi. Sehubungan itu, kerajaan telah melancarkan pelan induk pendidikan yang akan meningkatkan kapasiti intelektual, kreativiti dan nilai generasi muda. Kerajaan akan juga memastikan hubungan yang kukuh antara industri dan pakar akademik terjalin di peringkat pengajian tinggi dan para graduan dilengkapi dengan kemahiran tertentu yang diperlukan oleh pasaran. Usaha untuk meningkatkan lagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi dalam negara akan dipesatkan lagi.

Dalam melaksanakan perubahan, sama ada langkah jangka masa pendek atau polisi jangka panjang, kerajaan terus dipandu oleh lima teras Misi Nasional dan kita digerakkan oleh matlamat keseluruhan untuk mencapai Wawasan 2020. Ini memerlukan makluman terhadap perspektif masa lalu negara dan

penghargaan terhadap aspirasi masa depan-nya. Ia juga memerlukan kesungguhan komitmen bagi usaha membangunkan negara.

Dalam perkataan lain, tuan-tuan dan puan-puan, ia adalah usaha kerja jangka panjang kerajaan - dengan perancangan jarak jauh dan pelaksanaan jangka panjang. Dan sebagai sebuah kerajaan yang dipilih sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Tugas kami adalah sama. Kami akan meneruskan kerja keras untuk melaksanakan semua janji kami kepada rakyat.

Lagipun, usaha mencapai Wawasan 2020 mengambil masa yang panjang dan bukannya singkat. Dengan pelaksanaan secara tetap dan efektif, saya yakin kita akan berjaya mengharunginya. Dalam konteks ini, saya percaya 2007 merupakan satu lagi tahun cemerlang bagi Malaysia. Insya-Allah, melihat kepada sambutan Hari Kemerdekaan ke-50 dan Tahun Melawat Malaysia 2007, membawa banyak makna dan janji di pelbagai peringkat. 2007 akan menjadi petanda penting dan penentu kepada pertumbuhan dan perubahan masa depan. Kami mempunyai penuh keazaman dalam perkara ini, kami mempunyai hala tuju, kami mempunyai kemahuan dan kesungguhan untuk kekal ke arah itu dan terus maju ke hadapan.